

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

13 September 2020

1. Premis proses ayam diarah ditutup
2. Premis proses ayam jijik disita
3. City Hall shuts down filthy chicken processing facility
4. Baka Plott Hound tak boleh dlesenkan
5. Anjing buas baka jarang dipelihara

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 13 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	11	
Perkara	Kilang proses ayam	

Pemilik menjalankan perniagaan tanpa lesen

Premis proses ayam diarah ditutup

Oleh EDDY HAMIDI

KUALA LUMPUR - Sebuah premis yang dikesan menjalankan operasi pemprosesan ayam hidup diarahkan ditutup serta-merta selepas didapati beroperasi tanpa lesen dalam satu serbuan di Jalan Sungai Besi di sini semalam.


Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi satu kenyataan berkata, operasi pemeriksaan dan penutupan premis berkenaan dilakukan oleh 22 anggota daripada Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta Jabatan Penguatkuasaan DBKL susulan aduan yang diterima daripada orang ramai.

"Dalam serbuan pada pukul 2 pagi itu mendapati premis berkenaan telah menjalankan perniagaan memproses ayam hidup tanpa lesen yang dikeluarkan oleh DBKL malah turut menggajikan pekerja warga asing dari Bangladesh dan India.

"Susulan itu, sebanyak enam kompaun di atas pelbagai kesalahan telah dikeluarkan dan satu notis penutupan serta-merta juga telah dikenakan kepada premis tersebut," jelas kenyataan itu.

Katanya, antara kesalahan yang dikesan dilakukan oleh premis terbabit adalah menjalankan perniagaan tanpa lesen, mengambil pekerja warga asing tanpa permit kerja yang sah dan air buangan disalurkan terus ke longkang awam.

"Pemeriksaan lanjut turut mendapati premis berkenaan



SELAIN beroperasi tanpa lesen, premis berkenaan turut didapati kotor, menggajikan pekerja warga asing tanpa permit dan tidak mendapat suntikan taifoid.

membuat, menempatkan atau menumpahkan darah, air masin buangan cecair kotor atau lain-lain benda ke tempat awam.

"Selain itu, antara kesalahan lain yang dilakukan ialah lantai serta dinding premis kotor dan berdaki hitam serta pengendali makanan gagal mendapatkan


suntikan taifoid.

Tambahnya, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti perniagaan yang tidak mematuhi peraturan boleh menyalurkannya ke Pusat Panggilan Setempat DBKL di talian 1-800-88-3255 atau terus ke Pejabat Cawangan DBKL berhampiran.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 13 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Metro Ahad	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	6	
Perkara	Kilang proses ayam	



ANGGOTA DBKL memeriksa premis memproses ayam tanpa lesen di Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam.

Premis proses ayam jijik disita

Kuala Lumpur: Lantai dan dinding kotor dan berdaki hitam.

Itu keadaan di sebuah premis memproses ayam tanpa lesen di Jalan Sungai Besi di sini, yang diserbu sebelum disita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) jam 2 pagi semalam.

Malah, premis itu juga didapati menumpahkan darah ayam, air buangan dan cecair kotor ke tempat awam termasuk longkang.

Tindakan sitaan pula dijalankan 22 anggota Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar dan Jabatan Penguatkuasaan DBKL.

DBKL pada kenyataan memaklumkan, pemeriksaan dijalankan hasil aduan diterima pihaknya menerusi Pusat Panggilan Setempat DBKL.

"Hasil pemeriksaan mendapati, premis itu menjalankan perniagaan memproses ayam hidup tanpa lesen daripada DBKL.

"Malah, premis itu juga didapati menggaji tiga pekerja warga asing memabitkan dua dari Bangladesh dan seorang dari India," katanya.

Menurut kenyataan, DBKL mengambil beberapa tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan enam kompaun dan satu notis penutupan dalam operasi itu.



Hasil pemeriksaan mendapati, premis itu menjalankan perniagaan memproses ayam hidup tanpa lesen daripada DBKL"

Kenyataan DBKL

"DBKL mengeluarkan notis kompaun di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3(1) UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 dan UUK 20(1)(b) akta sama kerana menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen daripada DBKL serta menggaji pekerja warga asing.

"DBKL juga mengeluarkan notis kompaun di bawah UUK 23(1)(b) UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, UUK 15(2) dan UUK 25(1)(b) akta sama kerana kesalahan pengendali makanan gagal mendapatkan suntikan tifoid, air buangan disalurkan terus ke longkang awam serta lantai dan dinding premis kotor dan berdaki hitam.

"Premis itu juga diambil tindakan sita serta ditutup serta-merta di bawah Seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 13 September 2020

Media Cetak/Elektronik	News Straits Times	Catatan:
Ruangan	News	
M/Surat	12	
Perkara	Kilang proses ayam	

City Hall shuts down filthy chicken processing facility

PUTRAJAYA: An unlicensed chicken processing facility with black, filthy floors and walls in Jalan Sungai Besi here was ordered to close by City Hall. At the facility, it was also revealed that waste from the chickens, including blood, was released into the drains. City Hall's Health, Environment and Enforcement Department, in a statement about the 2am raid yesterday, said: "We also found out that the business was conducted without a licence from City Hall and three of its workers were from Bangladesh and India." In the operation, City Hall issued six compounds and one notice of closure to the business. Those with information about any questionable business activities can contact City Hall at 1800-88-3255 or go to the nearest City Hall branch.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 13 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Berita Harian Ahad	Catatan:
Ruangan	Nasional	
M/Surat	19	
Perkara	Kawalan Penyakit	

Tangan kanan bayi putus digigit anjing

Baka Plott Hound tak boleh dilesenkan

Pemilik berdepan tindakan tegas denda, penjara jika bersalah

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Melaka: Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mengesahkan pemilik anjing yang menggigit tangan kanan bayi perempuan berusia tujuh hari sehingga putus di Bachang di sini, Selasa lalu tidak memiliki lesen peliharaan haiwan itu.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu, berkata anjing jenis *Plott Hound* itu sudah ditangkap dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk tindakan kuarantin dua minggu bagi memastikan tiada gejala penyakit anjing gila (rabies).

Katanya, susulan laporan diterima berkaitan kejadian Selasa lalu, sepasukan anggota MBMB bersama polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri ke lokasi di Taman Widuri, Bachang.

"Berdasarkan rekod, pemilik anjing berusia 41 tahun itu tidak mempunyai lesen, malah anjing baka Jerman yang jarang dipelihara di negara ini sebenarnya tidak boleh dilesenkan.

"Sehubungan itu, tindakan te-

gas mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing akan diambil ke atas lelaki berkenaan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr Aidi Mohamad, pula berkata kuarantin haiwan dibuat 14 hari dan jika terdapat tanda virus rabies, haiwan itu akan dilupuskan.

Tangkapan anjing jantan yang menggigit bayi berkenaan dibuat mengikut Seksyen 41(1) Akta Binatang 1953 untuk pemerhatian penyakit anjing gila.

"Jika tiada tanda penyakit, anjing akan diserahkan semula kepada MBMB selepas tempoh kuarantin untuk tindakan selanjut-

nya," katanya.

Dalam kejadian jam 8.30 pagi Selasa lalu, seorang bayi perempuan berusia tujuh hari putus tangan kanan selepas digigit anjing peliharaan ahli keluarganya, di Bachang di sini.

Ketika kejadian, bayi berkenaan dijaga ibu saudara di rumah itu. Wanita terbabit membawa bayi berkenaan ke ruang tamu berdekatan pintu jeriji rumah untuk dikenakan cahaya matahari bagi mengurangkan gejala demam kuning.

Sementara itu, usaha untuk menjejaki keluarga bayi malang terbabit bagi mendapatkan perkembangan terkini rawatan tangannya gagal.

Difahamkan, semua ahli keluarga mangsa berada di Hospital Kuala Lumpur (HKL), tempat bayi itu menerima rawatan.

Tangan bayi 7 hari putus digigit anjing

Mangsa diletak dekat pintu pagar rumah

Oleh Amir Mamat

Laporan BH Selasa lalu.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 13 September 2020

Media Cetak/Elektronik	Metro Ahad	Catatan:
Ruangan	Misi	
M/Surat	4	
Perkara	Kawalan Penyakit	

Anjing buas baka jarang dipelihara

Melaka: Anjing yang menggigit tangan bayi perempuan sehingga putus di Bachang di sini, pada Selasa lalu sudah ditangkap untuk dikuarantinkan bagi memastikannya tiada gejala penyakit anjing gila atau rabies.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu berkata, anjing jenis Plott Hound sudah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk tindakan itu.

Menurutnya, pihaknya juga mendapati pemilik anjing berkenaan tidak mempunyai lesen bagi memelihara haiwan terabit.

“Sepasukan anggota MBMB bersama pihak polis dan JPV bertindak ke lokasi kejadian di Taman Widuri, Bachang sejurus menerima laporan mengenai kejadian terabit.

“Berikutan itu, anjing berkenaan ditangkap untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

Menurutnya, pemilik anjing berusia 41 tahun itu tidak mempunyai lesen, malah anjing baka Jerman jarang dipelihara di negara ini dan tidak boleh dilesenkan.

Katanya, tindakan mengikut Undang-Undang Ke-

ANJING GIGIT TANGAN BAYI
Zuriat berusia tujuh hari parah akibat cakar binatang peliharaan kelurga

Mingguk, baka anjing yang menggigit tangan bayi perempuan sehingga putus di Bachang di sini, pada Selasa lalu sudah ditangkap untuk dikuarantinkan bagi memastikannya tiada gejala penyakit anjing gila atau rabies.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu berkata, anjing jenis Plott Hound sudah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk tindakan itu.

Menurutnya, pihaknya juga mendapati pemilik anjing berkenaan tidak mempunyai lesen bagi memelihara haiwan terabit.

“Sepasukan anggota MBMB bersama pihak polis dan JPV bertindak ke lokasi kejadian di Taman Widuri, Bachang sejurus menerima laporan mengenai kejadian terabit.

“Berikutan itu, anjing berkenaan ditangkap untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

Menurutnya, pemilik anjing berusia 41 tahun itu tidak mempunyai lesen, malah anjing baka Jerman jarang dipelihara di negara ini dan tidak boleh dilesenkan.

Katanya, tindakan mengikut Undang-Undang Ke-

LAPORAN Harian Metro, semalam.

cil (UUK) Pelesenan Anjing akan diambil terhadap lelaki berkenaan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Pengarah JPV Melaka, Dr Aidi Mohamad berkata, kuarantin terhadap anjing berkenaan dibuat selama 14 hari mengikut Seksyen 41(1) Akta Binatang 1953 untuk pemerhatian penyakit anjing gila.

Menurutnya, jika terdapat tanda virus rabies, haiwan itu akan dilupuskan.

“Jika tiada tanda penyakit, anjing akan diserahkan semula kepada MBMB selepas tempoh kuarantin untuk tindakan selanjutnya,” katanya.